



21 Julai 2020
21 July 2020
P.U. (A) 209

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN
(PINDAAN) (NO. 4) 2020

FOOD (AMENDMENT) (NO. 4) REGULATIONS 2020

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA MAKANAN 1983

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN (PINDAAN) (NO. 4) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 34 Akta Makanan 1983 [*Akta 281*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Makanan (Pindaan) (No. 4) 2020**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 22 Julai 2022.

Pindaan peraturan 11

2. Peraturan-Peraturan Makanan 1985 [*P.U. (A) 437/1985*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 11—

(a) dalam subperaturan (1)—

(i) dalam perenggan (a), dengan memasukkan selepas perkataan “ramuan utamanya” perkataan “atau jika tiada nama biasa ramuan utamanya, suatu terma perihalan yang sebenar mengenai makanan itu yang tidak mengelirukan”;

(ii) dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:

“(aa) sama ada bersama-sama atau berdekatan dengan nama makanan itu, perkataan tambahan berkenaan dengan sifat sebenar dan keadaan fizikal makanan itu;”;

(iii) dalam perenggan *(ea)*, dengan menggantikan perkataan “sebagai tambahan kepada kehendak yang ditetapkan dalam perenggan (1)(e), jika” dengan perkataan “jika”;

(iv) dengan memasukkan selepas perenggan *(ea)* perenggan yang berikut:

“(eb) suatu pernyataan mengenai peratusan suatu ramuan mengikut berat atau isi padu sebagai suatu peratusan bersebelahan dengan setiap ramuan yang sebenar pada masa pengilangan bagi makanan yang dijual sebagai campuran atau kombinasi jika ramuan itu—

(i) ditekankan pada label melalui perkataan, gambar atau grafik; atau

(ii) tidak termasuk dalam nama makanan itu tetapi penting untuk menggambarkan makanan itu;”;

(v) dengan menggantikan perenggan *(g)* dengan perenggan yang berikut:

“(g) jika makanan itu mengandungi aditif makanan—

(i) dengan Sistem Pernomboran Antarabangsa (INS) bagi nombor aditif makanan, suatu pernyataan mengenai kelas fungsian aditif makanan yang berkenaan diikuti dengan nama aditif makanan itu atau nombor INS dalam kurungan; atau

(ii) tanpa Sistem Pernomboran Antarabangsa (INS) bagi nombor aditif makanan, hanya suatu

pernyataan mengenai kelas fungsian dan nama aditif makanan itu;”;

(vi) dengan memasukkan selepas perenggan (g) perenggan yang berikut:

“(ga) jika makanan itu mengandungi aditif makanan lebih daripada satu kelas fungsian, suatu pernyataan mengenai satu kelas fungsian sahaja;”;

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

“(2A) Walau apa pun perenggan (1)(g), jika aditif makanan itu ialah suatu bahan perisa, hanya kelas fungsian hendaklah dinyatakan.”;

(c) dengan memasukkan selepas subperaturan (4) subperaturan yang berikut:

“(4A) Bagi maksud perenggan (1)(j), “negeri dari mana makanan itu berasal” ertinya negara yang makanan itu dihasilkan kali terakhir menjalani perawatan atau proses yang menyebabkan berlakunya perubahan ketara dalam sifatnya.”; dan

(d) dengan memasukkan selepas subperaturan (6) subperaturan yang berikut:

“(6A) Bagi maksud perenggan (1)(eb)—

(a) pernyataan itu tidak dikehendaki—

(i) jika kuantiti ramuan itu dikehendaki untuk dinyatakan oleh Peraturan-Peraturan ini;

- (ii) jika berat tos ramuan itu dikehendaki untuk dinyatakan oleh Peraturan-Peraturan ini; atau
 - (iii) jika ramuan itu digunakan dalam kuantiti yang sedikit sebagai perisa.
- (b) Dalam hal makanan yang hilang kelembapan berikutan apa-apa perawatan—
- (i) peratusan mengikut berat atau isi padu hendaklah berpadanan dengan kuantiti ramuan yang digunakan dalam produk akhir; atau
 - (ii) peratusan mengikut berat atau isi padu boleh digantikan dengan pernyataan mengenai berat ramuan yang digunakan untuk menyediakan 100 g atau 100 ml produk akhir jika kuantiti suatu ramuan atau jumlah kuantiti semua ramuan yang dinyatakan pada label melebihi seratus peratus.”.

Pindaan peraturan 17

3. Peraturan 17 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas subperaturan (5) subperaturan yang berikut:

“(6) Perenggan 11(1)(f), (g) dan (ga) dan subperaturan (2A) tidak terpakai bagi bungkusan yang mempunyai luas permukaan terbesar kurang daripada 10cm².”.

Pindaan peraturan 18

4. Peraturan 18 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (7), dengan menggantikan perkataan “yang mempunyai makna yang sama melainkan jika makanan itu mematuhi kehendak yang dinyatakan dalam Standard Malaysian MS 1529: Pengeluaran, Pemprosesan, Pelabelan dan Pemasaran Makanan Berasaskan Tumbuhan yang Dihasilkan Secara Organik” dengan perkataan “atau perkara perihalan yang mempunyai makna yang sama melainkan jika makanan itu mematuhi kehendak yang ditetapkan atau diiktiraf oleh Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (8) subperaturan yang berikut:

“(9) Tiada label yang memperihalkan apa-apa makanan boleh mengandungi perkataan “diet khas” atau apa-apa terma lain yang sama kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam Peraturan-Peraturan ini.

(10) Tiada label yang memperihalkan apa-apa makanan boleh mengandungi perkataan “bijian penuh” atau “mil penuh” melainkan jika makanan itu mengandungi—

- (a) 100% bijian penuh atau mil penuh bagi tepung gandum, tepung beras, beras atau bijian;
- (b) 60% atau lebih bijian penuh atau mil penuh bagi roti; dan
- (c) 25% atau 8 g atau lebih bijian penuh atau mil penuh bagi setiap hidangan bagi hasil lain.

(11) Maka hendaklah ditulis pada label perkataan “bijian penuh” atau “mil penuh” dan peratus bijian penuh atau mil penuh dalam huruf yang tidak kurang daripada 4 poin.

(12) Bagi maksud subperaturan (10) dan (11), sebutan tentang “bijian penuh” atau “mil penuh” ialah sebutan tentang bijirin bijian yang terdiri daripada isirong yang dalam keadaan baik, dikisar, dikisar halus, dihancurkan atau dipecahkan selepas dibuang bahagian yang tidak boleh dimakan.”.

Pindaan peraturan 18A

5. Peraturan 18A Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) subperaturan yang berikut:

“(1A) Akuan yang menonjolkan tiada penambahan gula boleh dimasukkan pada label jika—

(a) tiada gula daripada apa-apa jenis telah ditambah kepada makanan itu;

(b) makanan itu tidak mengandungi ramuan yang mengandungi gula sebagai ramuan;

(c) makanan itu tidak mengandungi ramuan yang mengandungi gula yang menggantikan gula yang ditambah; dan

(d) kandungan gula dalam makanan itu sendiri tidak meningkat melebihi kadar yang disumbangkan oleh ramuan lain dengan apa-apa jua cara.

(1B) Jika suatu akuan tiada penambahan gula dibuat bagi apa-apa makanan, kandungan gula yang berlaku secara semula jadi dalam makanan itu hendaklah dinyatakan dalam 100 g atau dalam 100 ml bagi setiap hidangan.

(1C) Bagi maksud peraturan ini, “gula” termasuk semua monosakarida dan disakarida yang ditambah.”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

“(2A) Akuan yang menonjolkan tiada penambahan garam natrium, termasuk “tiada garam ditambah” boleh dimasukkan pada label jika—

(a) makanan itu tidak mengandungi garam natrium yang ditambah;

(b) makanan itu tidak mengandungi ramuan yang mengandungi garam natrium yang ditambah; dan

(c) ramuan yang mengandungi garam natrium yang berfungsi sebagai pengganti garam yang ditambah tidak digunakan dalam makanan itu.”.

Pindaan peraturan 18B

6. Peraturan 18B Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam Peraturan-Peraturan ini, kandungan nutrien yang berhubungan dengan makanan hendaklah diperuntukkan bagi semua hasil yang dinyatakan

dalam peraturan 63 hingga 75, 84 hingga 87, 89 hingga 113, 116, 134B, 135, 146 hingga 152, 157 hingga 170, 177, 185 hingga 207, 214 hingga 221, 223 hingga 224, 226 hingga 242, 246 hingga 249, 252 hingga 259, 269A, 279 hingga 282, 339 hingga 358, 360D dan 360E.”;

(b) dalam subperaturan (3)—

(i) dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan (a);

(ii) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) jumlah protein, karbohidrat yang sedia ada (karbohidrat yang tidak termasuk serabut diet), jumlah gula dan lemak, dinyatakan dalam g bagi setiap 100 g atau bagi setiap 100 ml atau bagi setiap bungkusan jika bungkusan itu mengandungi hanya satu bahagian dan bagi setiap satu hidangan sebagaimana yang dinyatakan pada label; dan”;

(iii) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut;

“(c) jumlah natrium yang dinyatakan dalam miligram bagi setiap 100 g atau bagi setiap 100 ml atau bagi setiap bungkusan jika bungkusan itu mengandungi hanya satu bahagian dan bagi setiap hidangan sebagaimana yang dinyatakan pada label.”;

(c) dengan memasukkan selepas subperaturan (4A) subperaturan yang berikut:

“(4B) Bagi maksud peraturan ini, rujukan kepada serabut diet ertinya polimer karbohidrat dengan tiga atau lebih unit monomerik, yang tidak mengalami proses hidrolisis oleh enzim endogen dalam usus kecil manusia dan apabila diperoleh daripada tumbuhan, serabut diet boleh mengandungi bahagian kecil lignin atau sebatian lain yang berkaitan dengan polisakarida dalam dinding sel tumbuhan.

(4C) Serabut diet dalam peraturan ini termasuklah kategori yang berikut:

- (a) polimer karbohidrat yang boleh dimakan secara semula jadi yang terhasil dalam makanan yang dimakan;
- (b) polimer karbohidrat yang telah diperoleh daripada makanan mentah secara fizikal, proses enzimatik atau secara kimia dan yang telah terbukti mempunyai kesan fisiologi yang bermanfaat kepada kesihatan; atau
- (c) polimer karbohidrat sintetik yang telah terbukti mempunyai kesan fisiologi yang bermanfaat kepada kesihatan.”;
- (d) dengan memotong perenggan (9)(aa);
- (e) dengan menggantikan subperaturan (11) dengan subperaturan yang berikut:

“(11) Jika maklumat angka mengenai vitamin dan mineral telah dinyatakan sebagai peratusan Nilai Rujukan Nutrien (NRN), Nilai Rujukan Nutrien (NRN) yang berikut hendaklah digunakan bagi maksud pelabelan:

Nilai Rujukan Nutrien (NRN)

<i>Komponen</i>	<i>Nilai Rujukan Nutrien (NRN)</i>
Vitamin A	800 mikrogram RE
Vitamin D	15 mikrogram
Vitamin C	100 miligram
Vitamin E	10 miligram
Vitamin K	60 mikrogram
Tiamina	1.2 miligram
Riboflavin	1.2 miligram
Niasin	15 miligram NE
Vitamin B ₆	1.3 miligram
Folat	400 mikrogram DFE
Vitamin B ₁₂	2.4 mikrogram
Panthotenate	5 miligram
Biotin	30 mikrogram
Kalsium	1,000 miligram
Magnesium	310 miligram
Zat Besi	14 miligram
Zink	11 miligram
Iodin	150 mikrogram
Kuprum	900 mikrogram
Selenium	60 mikrogram
Mangan	3 miligram
Molibdenum	45 mikrogram
Fosforus	700 miligram
Kolina	550 miligram
Protein	50 gram
Karbohidrat	300 gram
Lemak	67 gram
Tenaga	2,000 kilokalori"; dan

(f) dalam subperaturan (12)—

(a) dengan memotong perkataan “dan natrium,”; dan

(b) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan “dan natrium”.

Pindaan peraturan 18C

7. Peraturan 18C Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas subperaturan (3) subperaturan yang berikut:

“(4) Tiada label pada suatu bungkusan yang mengandungi apa-apa makanan boleh menunjukkan akuan kandungan nutrien kecuali yang dibenarkan dalam Peraturan-Peraturan ini atau dengan kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Pengarah.”.

Pindaan peraturan 18D

8. Perenggan 18D(3)(c) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong perkataan “dalam Nilai Rujukan Nutrien (NRN)”.

Pindaan peraturan 18E

9. Peraturan 18E Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (3), dengan menggantikan perkataan “jumlah nutrien pada tahap yang dianggap sebagai sumber nutrien itu bagi jumlah rujukan sebagaimana yang dinyatakan dalam Daftar II kepada Jadual Kelima A” dengan perkataan “amaun minimum yang diperlukan bagi setiap amaun nutrien itu sebagaimana yang dinyatakan dalam Daftar III kepada Jadual Kelima A”;

(b) dengan menggantikan subperaturan (4) dengan subperaturan yang berikut:

“(4) Hanya akuan fungsi nutrien atau apa-apa perkataan lain yang mempunyai makna yang sama sebagaimana yang dinyatakan dalam Daftar III kepada Jadual Kelima A dibenarkan pada label.”; dan

(c) dengan memotong subperaturan (4A) dan (4B).

Peraturan baharu 18F

10. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 18E peraturan yang berikut:

“ Akuan fungsi lain
18F. (1) Dalam Peraturan-Peraturan ini, “akuan fungsi lain” ertinya akuan yang memperihalkan kesan spesifik yang benefisial bagi komponen makanan lain dalam makanan yang memberikan sumbangan positif kepada kesihatan atau peningkatan suatu fungsi badan.

(2) Akuan fungsi lain tidak boleh membayangkan atau memasukkan apa-apa pernyataan yang membawa maksud bahawa nutrien itu mampu menyembuhkan atau merawat penyakit atau melindungi daripada penyakit.

(3) Tiada label yang memperihalkan apa-apa makanan boleh memasukkan apa-apa akuan yang berhubungan dengan fungsi komponen makanan lain dalam badan melainkan jika makanan itu yang baginya akuan fungsi dibuat mematuhi amaun minimum komponen makanan lain dan syarat lain yang dinyatakan dalam Daftar IV kepada Jadual Kelima A.

(4) Tiada label pada bungkusan yang mengandungi apa-apa makanan boleh menunjukkan akuan fungsi lain kecuali akuan yang dibenarkan dalam Peraturan-Peraturan ini atau dengan kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Pengarah.”.

Pindaan peraturan 19

11. Subperaturan 19(6) Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (a)—

(i) dengan menggantikan perkataan “(masukkan nama kimia aditif makanan itu di sini)” dengan perkataan “(nyatakan nama kimia aditif makanan atau nombor Sistem Pernomboran Antarabangsa (INS) bagi aditif makanan)”;

(ii) dengan memotong perkataan “bahan pewarna atau”; dan

(iii) dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu;

(b) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (b) dengan perkataan “; dan”; dan

(c) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(c) perkataan “Bagi Kegunaan Makanan” atau apa-apa perkataan lain yang mempunyai makna yang sama dan berdekatan dengan nama aditif makanan atau Sistem Pernomboran Antarabangsa (INS) bagi nombor aditif makanan.”.

Pindaan peraturan 23

12. Peraturan 23 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong subperaturan (4).

Pindaan peraturan 25

13. Peraturan 25 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (5), dengan menggantikan perkataan “Jika apa-apa makanan ditambah dengan polidekstrosa” dengan perkataan “Jika apa-apa makanan ditambah dengan 25 g bagi setiap 100 g polidekstrosa atau lebih”; dan

(b) dengan memotong subperaturan (6).

Pindaan peraturan 26

14. Peraturan 26 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subperaturan (7) dengan subperaturan yang berikut:

“(7) Tiada label pada suatu bungkusan yang mengandungi apa-apa makanan boleh menunjukkan apa-apa akuan yang dibenarkan sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1) Daftar V kepada Jadual Kelima A melainkan jika makanan dalam bungkusan itu memenuhi syarat yang dinyatakan dalam ruang (3) Daftar V kepada Jadual itu.”; dan

(b) dengan memotong subperaturan (6), (8) dan (9).

Pindaan Jadual Kelima A

15. Jadual Kelima A Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam tajuk, dengan menggantikan perkataan “(Peraturan 18C)” dengan perkataan “(Peraturan 18C, 18D, 18E, 18F dan 26)”;

- (b) dalam DAFTAR I, dengan memasukkan selepas butiran “Natrium” dan butir-butir yang berhubungan dengannya butiran dan butir-butir yang berikut:

<i>Komponen</i>	<i>Akuan</i>	<i>Syarat-syarat</i>
A.		<i>Tidak lebih daripada</i>
“Gluten	Dikurangkan	0.01 g bagi setiap 100 g (pepejal atau cecair)
	Bebas	0.002 g bagi setiap 100 g (pepejal atau cecair)
		Akuan “dikurangkan gluten” hanya dibenarkan dalam makanan yang mengandungi satu atau lebih ramuan daripada gandum, rai, barli, oat atau jenis baka kacukannya, yang telah diproses khas untuk mengurangkan kandungan gluten”;

- (c) dalam DAFTAR II—

- (i) dengan memotong butiran yang berikut dan butir-butir yang berhubungan dengannya:

“Oat Serat Larut (b-glucan)**;

Jumlah Asid Sialik;

Sterol Tumbuhan/Stanol Tumbuhan@;

Inulin; dan

Oligofruktosa”;

- (ii) dengan memasukkan selepas butiran “Jumlah Serat Diet” dan butir-butir yang berhubungan dengannya butiran yang berikut:

<i>Komponen</i>	<i>Akuan</i>	<i>Syarat-syarat</i>
<i>B.</i>		<i>Tidak kurang daripada</i>
“Asid alfa-linolenik	Sumber	0.3 g bagi setiap 100 g
	Tinggi	0.6 g bagi setiap 100 g
Gangliosida	Sumber	11 mg bagi setiap 100 g Akuan ini hanya dibenarkan dalam susu dan hasil tenusu yang mengandungi gangliosida secara semula jadi”;

(d) dengan memasukkan selepas DAFTAR II daftar yang berikut:

“DAFTAR III
SYARAT-SYARAT AKUAN FUNGSI NUTRIEN

<i>Komponen</i>	<i>Akuan</i>	<i>Jumlah minimum yang diperlukan</i>
Asid Folik	(i) Asid folik penting bagi pertumbuhan dan pembahagian sel	60 µg DFE bagi setiap 100 g (pepejal)
	(ii) Folat memainkan peranan dalam pembentukan sel darah merah	30 µg DFE bagi setiap 100 ml (cecair)
	(iii) Folat membantu untuk mengekalkan pertumbuhan dan perkembangan janin	20 µg DFE bagi setiap 100 kcal
Zat Besi	(i) Zat besi ialah suatu faktor dalam pembentukan sel darah merah	2.1 mg bagi setiap 100 g (pepejal)
	(ii) Zat besi ialah komponen hemoglobin dalam sel darah merah yang mengangkut oksigen ke seluruh bahagian badan	1.05 mg bagi setiap 100 ml (cecair) 0.7 mg bagi setiap 100 kcal
Iodin	Iodin penting bagi pembentukan hormon tiroid	22.5 µg bagi setiap 100 g (pepejal) 11.25 µg bagi setiap 100 ml (cecair) 7.5 µg bagi setiap 100 kcal

<i>Komponen</i>	<i>Akuan</i>	<i>Jumlah minimum yang diperlukan</i>
Kalsium	Kalsium membantu dalam perkembangan tulang dan gigi yang kuat	150 mg bagi setiap 100 g (pepejal) 75 mg bagi setiap 100 ml (cecair) 50 mg bagi setiap 100 kcal
Magnesium	Magnesium menggalakkan penyerapan dan pengekalan kalsium	46.5 mg bagi setiap 100 g (pepejal) 23.25 mg bagi setiap 100 ml (cecair) 15.5 mg bagi setiap 100 kcal
Niasin	Niasin diperlukan bagi pelepasan tenaga daripada protein, lemak dan karbohidrat	2.25 mg NE bagi setiap 100 g (pepejal) 1.125 mg NE bagi setiap 100 ml (cecair) 0.75 mg NE bagi setiap 100 kcal
Protein	(i) Protein membantu membina dan membaiki tisu badan (ii) Protein penting bagi pertumbuhan dan perkembangan (iii) Protein membekalkan asid amino yang diperlukan bagi sintesis protein	5 g bagi setiap 100 g (pepejal) 2.5 g bagi setiap 100 ml (cecair) 2.5 g bagi setiap 100 kcal

<i>Komponen</i>	<i>Akuan</i>	<i>Jumlah minimum yang diperlukan</i>
Vitamin A	(i) Vitamin A membantu dalam mengekalkan kesihatan kulit dan membran mukus	120 µg RE bagi setiap 100 g (pepejal)
	(ii) Vitamin A penting bagi fungsi mata	60 µg RE bagi setiap 100 ml (cecair) 40 µg RE bagi setiap 100 kcal
Zink	Zink penting bagi pertumbuhan	1.65 mg bagi setiap 100 g (pepejal) 0.825 mg bagi setiap 100 ml (cecair) 0.55 mg bagi setiap 100 kcal
Vitamin B ₁ / Tiamina	Vitamin B ₁ /Tiamina diperlukan bagi pelepasan tenaga daripada karbohidrat	0.18 mg bagi setiap 100 g (pepejal) 0.09 mg bagi setiap 100 ml (cecair) 0.06 mg bagi setiap 100 kcal
Vitamin B ₂ / Riboflavin	Vitamin B ₂ /Riboflavin diperlukan bagi pelepasan tenaga daripada protein, lemak dan karbohidrat	0.18 mg bagi setiap 100 g (pepejal) 0.09 mg bagi setiap 100 ml (cecair) 0.06 mg bagi setiap 100 kcal
Vitamin B ₁₂ /Sianokobalamina	Vitamin B ₁₂ /Sianokobalamina diperlukan untuk penghasilan sel darah merah	0.36 µg bagi setiap 100 g (pepejal) 0.18 µg bagi setiap 100 ml (cecair) 0.12 µg bagi setiap 100 kcal

<i>Komponen</i>	<i>Akuan</i>	<i>Jumlah minimum yang diperlukan</i>
Vitamin C	(i) Vitamin C meningkatkan penyerapan zat besi daripada sumber bukan daging	15 mg bagi setiap 100 g (pepejal)
	(ii) Vitamin C menyumbang kepada penyerapan zat besi daripada makanan	7.5 mg bagi setiap 100 ml (cecair) 5 mg bagi setiap 100 kcal
Vitamin D	(i) Vitamin D membantu badan menggunakan kalsium dan fosforus	2.25 µg bagi setiap 100 g (pepejal)
	(ii) Vitamin D perlu bagi penyerapan dan penggunaan kalsium dan fosforus	1.125 µg bagi setiap 100 ml (cecair) 0.75 µg bagi setiap 100 kcal
Vitamin E	Vitamin E melindungi lemak dalam tisu badan daripada pengoksidaan	1.5 mg bagi setiap 100 g (pepejal) 0.75 mg bagi setiap 100 ml (cecair) 0.5 mg bagi setiap 100 kcal

DAFTAR IV
SYARAT-SYARAT BAGI AKUAN FUNGSI LAIN

<i>Komponen</i>	<i>Akuan</i>	<i>Jumlah minimum yang diperlukan</i>	<i>Syarat-syarat</i>
Beta glukon	Beta glukon daripada (nyatakan sumber) membantu menurunkan kolesterol	0.75 g bagi setiap hidangan	<p>(i) Sumber beta glukon hendaklah daripada oat dan barli</p> <p>(ii) Makanan yang akan ditambah dengan beta glukon hendaklah juga mengandungi jumlah serabut diet tidak kurang daripada amaun yang diperlukan untuk diakui sebagai "sumber":</p> <p style="padding-left: 40px;">3 g bagi setiap 100 g (pepejal)</p> <p style="padding-left: 40px;">1.5 g bagi setiap 100 ml (cecair)</p>

<i>Komponen</i>	<i>Akuan</i>	<i>Jumlah minimum yang diperlukan</i>	<i>Syarat-syarat</i>
			<p>(iii) Hendaklah ditulis pada label pernyataan yang berikut:</p> <p>"Jumlah yang disarankan bagi kesan penurunan kolesterol ialah 3 g sehari"</p>
Beta glukon daripada serat larut barli	<p>(i) Beta glukon daripada serat larut barli membantu mengurangkan kenaikan glukosa darah dengan syarat beta glukon tidak dimakan bersama dengan makanan lain</p> <p>(ii) Beta glukon daripada serat larut barli menyumbang kepada pengurangan kenaikan glukosa darah dengan syarat beta glukon tidak dimakan bersama dengan makanan lain</p>	6.5 g bagi setiap 100 g	<p>(i) Akuan ini hanya dibenarkan dalam bijirin dan hasil bijirin</p> <p>(ii) Akuan ini hanya dibenarkan bagi produk yang profil makronutrien (karbohidrat, protein dan lemak) mematuhi Saranan Pengambilan Nutrien (RNI) Malaysia</p>

<i>Komponen</i>	<i>Akuan</i>	<i>Jumlah minimum yang diperlukan</i>	<i>Syarat-syarat</i>
			<p>(iii) Hendaklah ditulis pada label pernyataan yang berikut:</p> <p>“Sebelum memutuskan untuk menggunakan produk ini sila minta nasihat daripada profesional kesihatan”</p>
Beta glukon daripada serat larut oat	Beta glukon daripada serat larut oat membantu mengurangkan kenaikan glukosa dalam darah dengan syarat beta glukon tidak dimakan bersama dengan makanan lain	6.5 g bagi setiap 100 g	<p>(i) Akuan ini hanya dibenarkan bagi bijirin dan hasil bijirin</p> <p>(ii) Akuan ini hanya dibenarkan bagi produk yang profil makronutrien (karbohidrat, protein dan lemak) mematuhi Saranan Pengambilan</p>

<i>Komponen</i>	<i>Akuan</i>	<i>Jumlah minimum yang diperlukan</i>	<i>Syarat-syarat</i>
			<p>Nutrien (RNI) Malaysia</p> <p>(iii) Hendaklah ditulis pada label bijirin dan hasil bijirin pernyataan yang berikut:</p> <p>“Sebelum memutuskan untuk menggunakan produk ini sila minta nasihat daripada profesional kesihatan”</p>
Beta glukon daripada yis	Beta glukon daripada yis boleh membantu menyokong sistem imun yang berkaitan dengan selsema	0.05 g bagi setiap hidangan	<p>(i) Beta glukon daripada yis hendaklah lebih daripada 75% pada asas berat kering</p> <p>(ii) Hendaklah ditulis pada label pernyataan yang berikut:</p>

<i>Komponen</i>	<i>Akuan</i>	<i>Jumlah minimum yang diperlukan</i>	<i>Syarat-syarat</i>
			"Jumlah yang disarankan bagi kesan akuan ialah 0.2 g sehari"
Beta palmitin	(i) Beta palmitin menyumbang kepada peningkatan penyerapan kalsium (ii) Beta palmitin menyumbang kepada peningkatan penyerapan lemak	(i) > 18 peratus kandungan C16:0 berdasarkan jumlah asid lemak (ii) > 40 peratus C16:0 pada kedudukan sn-2 berdasarkan jumlah kandungan C16:0	Tiada
Bifidobacterium lactis	(i) Bifidobacterium lactis membantu untuk meningkatkan mikroflora usus yang bermanfaat	1×10^6 minimum sel hidup bagi setiap gram	Akuan ini hanya dibenarkan dalam rumusan bayi, rumusan susulan, susu tepung rumusan bagi kanak-kanak dan

<i>Komponen</i>	<i>Akuan</i>	<i>Jumlah minimum yang diperlukan</i>	<i>Syarat-syarat</i>
	(ii) Bifidobacterium lactis membantu untuk mengurangkan kejadian cirit-birit		makanan berasaskan bijirin bagi bayi dan kanak-kanak
Calcium 3-hydroxy-3-methyl butyrate monohydrate (CaHMB)	(i) CaHMB membantu mendapatkan semula kekuatan (ii) CaHMB menyokong pembinaan tisu	1.5 g bagi setiap hidangan	Akuan ini hanya dibenarkan dalam makanan pendietan berformula
Campuran galactooligosaccharide (GOS) dan polydextrose (PDX)	(i) Campuran GOS dan PDX ialah prebiotik (ii) Campuran GOS dan PDX ialah bifidogenik	0.4 g bagi setiap 100 ml (0.2 g bagi setiap 100 ml GOS dan 0.2 g bagi setiap 100 ml PDX)	(i) Campuran mengandungi 50 peratus (berat bagi setiap berat) GOS dan 50 peratus (berat bagi setiap berat) PDX (ii) Akuan ini hanya dibenarkan dalam rumusan bayi dan rumusan susulan
Campuran oligofruktosa-inulin	Campuran oligofruktosa-inulin membantu meningkatkan penyerapan kalsium dan meningkatkan ketumpatan mineral tulang apabila	2 g bagi setiap hidangan	(i) Campuran oligofruktosa-inulin mengandungi rantai pendek inulin (oligofruktosa

<i>Komponen</i>	<i>Akuan</i>	<i>Jumlah minimum yang diperlukan</i>	<i>Syarat-syarat</i>
	dimakan bersama dengan makanan yang kaya kalsium		DP 3-9) dan rantai panjang inulin (inulin DP >10) dalam nisbah 50:50 setiap $\pm 10\%$ (ii) Jumlah kandungan fruktan di dalam campuran hendaklah melebihi 90 peratus pada asas berat kering
Campuran oligosakarida yang mengandungi galaktooligosakarida (GOS) dan fruktooligosakarida rantai panjang (lcFOS)	Campuran oligosakarida mengandungi GOS dan lcFOS membantu memperbaiki sistem imun salur makanan atau usus bayi	Komponen (campuran oligosakarida) hendaklah 0.8 g bagi setiap 100 ml	(i) Campuran oligosakarida yang mengandungi 90 peratus (berat bagi setiap berat) GOS dan 10 peratus (berat bagi setiap berat) lcFOS (ii) Akuan ini hanya dibenarkan dalam rumusan bayi dan rumusan susulan

<i>Komponen</i>	<i>Akuan</i>	<i>Jumlah minimum yang diperlukan</i>	<i>Syarat-syarat</i>
	<p>(i) Campuran oligosakarida yang mengandungi GOS dan lcFOS ialah prebiotik</p> <p>(ii) Campuran oligosakarida yang mengandungi GOS dan lcFOS ialah bifidogenik</p> <p>(iii) Campuran oligosakarida yang mengandungi GOS dan lcFOS membantu meningkatkan bifidobakteria usus</p> <p>(iv) Campuran oligosakarida yang mengandungi GOS dan lcFOS membantu mengekalkan persekitaran usus yang baik</p>	0. 4 g bagi setiap 100 ml	<p>(i) Campuran oligosakarida yang mengandungi 90 peratus (berat bagi setiap berat) GOS dan 10 peratus (berat bagi setiap berat) lcFOS</p> <p>(ii) Akuan ini hanya dibenarkan dalam rumusan bayi, rumusan susulan dan susu tepung rumusan bagi kanak-kanak</p> <p>(iii)Komponen (campuran oligosakarida) tidak boleh melebihi 0.8 g bagi setiap 100 ml</p>
Dekstrin rintang atau maltodekstrin rintang	Dekstrin rintang atau maltodekstrin rintang ialah serat diet larut yang membantu mengawal atau menggalakkan pergerakan biasa usus	2.5 g bagi setiap hidangan	Penambahan dan akuan bagi dekstrin rintang atau maltodekstrin rintang tidak dibenarkan dalam rumusan bayi

<i>Komponen</i>	<i>Akuan</i>	<i>Jumlah minimum yang diperlukan</i>	<i>Syarat-syarat</i>
	<p>(i) Dekstrin rintang atau maltodekstrin rintang ialah prebiotik</p> <p>(ii) Dekstrin rintang atau maltodekstrin rintang ialah bifidogenik</p> <p>(iii) Dekstrin rintang atau maltodekstrin rintang membantu meningkatkan bifidobakteria usus</p> <p>(iv) Dekstrin rintang atau maltodekstrin rintang membantu mengekalkan persekitaran usus yang baik</p>	4 g bagi setiap hidangan	Amaun minimum yang perlu ada dalam makanan bagi memberi kesan akuan ialah 8 g sehari
DHA dan ARA	DHA dan ARA membantu menyumbang dalam perkembangan penglihatan bayi	Kombinasi 17 mg bagi setiap 100 kcal DHA dan 34 mg bagi setiap 100 kcal ARA	Akuan ini hanya dibenarkan dalam produk rumusan bayi

<i>Komponen</i>	<i>Akuan</i>	<i>Jumlah minimum yang diperlukan</i>	<i>Syarat-syarat</i>
D-ribose	D-ribose membantu menggalakkan pemulihan tenaga semasa atau selepas aktiviti fizikal	3 g bagi setiap hidangan	(i) Akuan ini hanya dibenarkan dalam makanan pendietan berformula (ii) Hendaklah ditulis pada label pernyataan yang berikut: "Tidak boleh melebihi 2 hidangan sehari"
Inulin	(i) Inulin ialah prebiotik	1.25 g bagi setiap hidangan	Paras minimum ini ditentukan bagi makanan selain daripada rumusan bayi
	(ii) Inulin ialah bifidogenik (iii) Inulin membantu meningkatkan bifidobakteria usus dan mengekalkan persekitaran usus yang baik	0.4 g bagi setiap 100 ml dalam bentuk sedia untuk diminum	(i) Paras minimum ini ditentukan bagi rumusan bayi sahaja (ii) Komponen (inulin dan oligofruktosa/fruktooligosakarida (FOS)) tidak boleh melebihi 0.6 g bagi setiap 100 ml

<i>Komponen</i>	<i>Akuan</i>	<i>Jumlah minimum yang diperlukan</i>	<i>Syarat-syarat</i>
Isomaltulosa	(i) Isomaltulosa dihidrolisis secara perlahan bagi glukosa dan fruktosa berbanding sukrosa (ii) Isomaltulosa memberikan ketahanan tenaga yang lebih lama berbanding sukrosa (iii) Isomaltulosa ialah sumber pengeluaran tenaga yang perlahan berbanding sukrosa	15 g bagi setiap hidangan	Penambahan dan akuan bagi isomaltulosa tidak dibenarkan dalam rumusan bayi
Kanji rintang dalam jagung tinggi amilosa (HAMRS)	HAMRS membantu meningkatkan atau menggalakkan fungsi atau persekitaran usus	2.5 g bagi setiap hidangan	Tiada
Lutein	Lutein sebagai pigmen makular predomnan dalam retina yang berupaya menapis cahaya biru dan membantu melindungi mata	2.5 µg bagi setiap 100 ml (3.7 µg bagi setiap 100 kcal)	Paras minimum ini ditentukan bagi rumusan bayi sahaja
		20 µg bagi setiap 100 ml	Paras minimum ini ditentukan bagi rumusan susulan sahaja

<i>Komponen</i>	<i>Akuan</i>	<i>Jumlah minimum yang diperlukan</i>	<i>Syarat-syarat</i>
		(30 µg bagi setiap 100 kcal)	
		20 µg bagi setiap 100 ml (20 µg bagi setiap 100 kcal)	Paras minimum ini ditentukan bagi susu tepung rumusan bagi kanak-kanak sahaja
Oligofruktosa/fruktooligosakarida (FOS)	(i) FOS ialah prebiotik (ii) FOS ialah bifidogenik (iii) FOS membantu meningkatkan bifidobakteria usus dan mengekalkan persekitaran usus yang baik	1.25 g bagi setiap hidangan	Paras minimum ini ditentukan bagi makanan selain daripada rumusan bayi
		0.4 g bagi setiap 100 ml pada asas sedia untuk diminum	(i) Paras minimum ini ditentukan bagi rumusan bayi sahaja (ii) Komponen inulin dan FOS tidak boleh melebihi 0.6 g bagi setiap 100 ml
Polidekstrosa	(i) Polidekstrosa ialah bifidogenik (ii) Polidekstrosa membantu meningkatkan bifidobakteria usus	1.25 g bagi setiap hidangan	Tiada

<i>Komponen</i>	<i>Akuan</i>	<i>Jumlah minimum yang diperlukan</i>	<i>Syarat-syarat</i>
	(iii) Polidekstrosa membantu mengekalkan mikroflora usus yang baik		
Protein soya	Protein soya membantu mengurangkan kolesterol	5 g bagi setiap hidangan	Hendaklah ditulis pada label pernyataan yang berikut: "Jumlah yang disarankan untuk memberikan kesan penurunan kolesterol dalam darah ialah 25 g sehari"
Sterol tumbuhan atau stanol tumbuhan atau ester sterol tumbuhan	Sterol tumbuhan atau stanol tumbuhan atau ester sterol tumbuhan membantu mengurangkan kolesterol	0.4 g bagi setiap hidangan dalam bentuk "bebas"	(i) Jenis sterol tumbuhan atau stanol tumbuhan yang dibenarkan: "sterol tumbuhan atau stanol tumbuhan, fitosterol atau fitostanol, sitosterol, kampesterol, stigmasterol atau stanol tumbuhan lain yang berkaitan"

<i>Komponen</i>	<i>Akuan</i>	<i>Jumlah minimum yang diperlukan</i>	<i>Syarat-syarat</i>
			<p>(ii) Jenis ester sterol tumbuhan yang dibenarkan:</p> <p>“ester kampesterol, ester stigmasterol dan ester beta-sitosterol”</p> <p>(iii) Amaun sterol tumbuhan atau stanol tumbuhan atau ester sterol tumbuhan dalam bentuk “bebas” untuk ditambah dalam makanan tidak boleh melebihi 3 g sehari</p> <p>(iv) Pernyataan jumlah amaun sterol tumbuhan atau stanol tumbuhan atau ester sterol tumbuhan yang terkandung dalam produk hendaklah dinyatakan dalam unit metrik bagi</p>

<i>Komponen</i>	<i>Akuan</i>	<i>Jumlah minimum yang diperlukan</i>	<i>Syarat-syarat</i>
			<p>setiap 100 g atau bagi setiap 100 ml atau bagi setiap bungkusan jika bungkusan hanya mengandungi satu bahagian dan bagi setiap hidangan sebagaimana yang dinyatakan pada label</p> <p>(v) Hanya terma “sterol tumbuhan” atau “stanol tumbuhan” atau “ester sterol tumbuhan” boleh digunakan dalam menyatakan kewujudan komponen itu</p> <p>(vi) Akuan ini hanya boleh dibuat untuk susu, hasil susu, susu kacang soya dan minuman susu soya yang dinyatakan</p>

<i>Komponen</i>	<i>Akuan</i>	<i>Jumlah minimum yang diperlukan</i>	<i>Syarat-syarat</i>
			<p>dalam peraturan 82, 83, 357 dan 358</p> <p>(vii)Hendaklah ditulis pada label semua pernyataan yang berikut:</p> <p>(A) “Tidak disyorkan bagi wanita mengandung dan menyusui, dan kanak-kanak kecil di bawah umur lima tahun”</p> <p>(B)“Orang yang mengambil ubat untuk menurunkan paras kolesterol hendaklah mendapatkan nasihat perubatan sebelum memakan produk ini”</p>

<i>Komponen</i>	<i>Akuan</i>	<i>Jumlah minimum yang diperlukan</i>	<i>Syarat-syarat</i>
			<p>(C)“Produk ini digunakan sebagai sebahagian daripada diet yang seimbang dan pelbagai dan hendaklah disertakan dengan pengambilan buah-buahan dan sayur-sayuran secara tetap untuk membantu mengekalkan paras karotenoid”</p> <p>(D)“Dengan tambahan sterol tumbuhan atau stanol tumbuhan atau ester sterol tumbuhan” dalam huruf</p>

<i>Komponen</i>	<i>Akuan</i>	<i>Jumlah minimum yang diperlukan</i>	<i>Syarat-syarat</i>
			tidak kurang daripada 10 poin”
Kanji yang dihadam secara perlahan (SDS)	Makanan yang mengandungi kanji yang dihadam secara perlahan (SDS), dimakan sebagai sebahagian daripada makanan biasa pertama pada hari itu, membebaskan karbohidrat secara berperingkat dan membekalkan tenaga sepanjang pagi	Sekurang-kurangnya 40% kanji sedia ada mesti ada sebagai kanji yang dihadam secara perlahan	Akuan hanya dibenarkan bagi kanji yang dihadam secara perlahan daripada kanji semula jadi yang terhasil dalam makanan berkanji yang karbohidrat sedia ada memberikan sekurang-kurangnya 55% daripada jumlah tenaga dan yang sekurang-kurangnya 55% jumlah karbohidrat sedia ada ialah kanji sedia ada

DAFTAR V
SYARAT-SYARAT AKUAN BERKAITAN NUTRIEN YANG DITAMBAH

<i>Akuan yang dibenarkan</i>	<i>Nutrien</i>	<i>Syarat</i>
"diperkaya", "diperkuat", "diperteguh", "dipertingkat" atau apa-apa perkataan lain yang mempunyai makna yang sama	Vitamin dan mineral	Mematuhi tahap minimum bagi akuan "tinggi dalam" Daftar II kepada Jadual Kelima A
	Asid amino, asid lemak dan nukleotida	Mengisytiharkan jumlah yang ditambah dalam kuantiti makanan tertentu
	Komponen makanan lain (dengan akuan fungsi lain yang dibenarkan)	Mematuhi tahap minimum bagi akuan fungsi lain dalam Daftar IV kepada Jadual Kelima A
"mengandungi", "ditambah", "dengan" atau apa-apa perkataan lain yang mempunyai makna yang sama	Vitamin dan mineral	Mematuhi tahap minimum bagi akuan "sumber bagi" dalam Daftar II kepada Jadual Kelima A
	Asid amino, asid lemak dan nukleotida dan komponen makanan lain	Mengisytiharkan jumlah yang ditambah dalam kuantiti makanan tertentu

”.

Pindaan Jadual Kedua Belas

16. Jadual Kedua Belas kepada Peraturan-Peraturan itu dipinda—

(a) dalam DAFTAR I—

(i) dengan menggantikan perenggan 5 dengan perenggan yang berikut:

“Komponen makanan lain

D-ribosa

Calcium 3-hydroxy-3-methyl butyrate monohydrate (CaHMB)/hydroxy methylbutyrate (HMB)

(hanya dibenarkan dalam makanan pendietan berformula)

***Epigallocatechin gallate* (EGCG)**

Isomaltulosa (kecuali dalam rumusan bayi)

Laktotripeptida (yang terdiri daripada L-valina-L-prolina-L-prolina (VPP) dan L-isoleusina-L-prolina-L-prolina (IPP) dengan kadar VPP:IPP antara 0.56 hingga 1.77 (tambahan hanya dibenarkan bagi jus buah, jus sayur-sayuran dan produk susu kecuali bagi rumusan bayi, rumusan susulan dan susu tepung rumusan bagi kanak-kanak))

Campuran yang mengandungi 50 peratus (berat bagi setiap berat) galactooligosaccharide (GOS) dan 50 peratus (berat bagi setiap berat) polydextrose (PDX)

Asid sialik (daripada susu)

Sterol tumbuhan atau stanol tumbuhan atau fitosterol atau fitostanol (mengandungi sebahagian besarnya sitosterol, kampesterol, stigmasterol dan stanol tumbuhan lain yang berkaitan)

Ester sterol tumbuhan (mengandungi sebahagian besarnya ester kampesterol, ester stigmasterol dan ester beta-sitosterol)

Protein soya

Sucromalt (hanya dibenarkan dalam makanan diet berformula)

Beta glukon daripada yis

Bovin laktoferin

Kanji yang mudah terhadam

Serabut diet

Gam akasia/gam arabik (hanya daripada *Acacia senegal* dan *Acacia seyal*)

Galaktooligosakarida (GOS)

Kanji rintang dalam jagung tinggi amilosa (HAMRS) (tidak dibenarkan dalam rumusan bayi dan rumusan susulan)

Inulin

Beta glukon daripada serat larut oat

Beta glukon daripada barli

Oligofruktosa/fruktooligosakarida

Campuran oligofruktosa-inulin yang mengandungi rantai pendek inulin (oligofruktosa DP 3-9) dan rantai panjang inulin (inulin DP >10) dalam nisbah 50:50 setiap $\pm 10\%$

Campuran oligosakarida yang mengandungi 90 peratus (berat bagi setiap berat) oligogalaktosil-laktosa (galaktooligosakarida (GOS)) dan 10 peratus (berat bagi setiap berat) oligofruktosil sakarosa (rantai panjang fruktooligosakarida (lcFOS))

Polidekstrosa

Deksrin rintang/maltodekstrin rintang (tidak dibenarkan dalam rumusan bayi dan rumusan susulan)"; dan

- (ii) dengan memotong perenggan 6;
- (b) dengan memotong DAFTAR II; dan
- (c) dengan menggantikan DAFTAR III dengan daftar yang berikut:

“DAFTAR III

(Peraturan 26)

AMAUN MAKSIMUM VITAMIN DAN MINERAL YANG DISYORKAN

<i>Vitamin dan Mineral</i>	<i>Amaun maksimum dalam hidangan harian yang disyorkan</i>
Vitamin B6	93 miligram
Vitamin C	1,750 miligram
Vitamin D	35 mikrogram
Vitamin E	970 miligram
Niasin	820 miligram NE
Molibdenum	350 mikrogram
Fosforus	1,250 miligram
Selenium	200 mikrogram
Magnesium	250 miligram
Folat	600 mikrogram DFE
Vitamin A	1,000 mikrogram RE
Kalsium	1,500 miligram
Kuprum	2 miligram
Flourida	3.5 miligram
Iodin	200 mikrogram
Zat Besi	20 miligram
Mangan	2 miligram
Zink	15 miligram

”.

Dibuat 20 Julai 2020
[KKM. 600-1/1/35; PN(PU2)418/XXVII]

DATO' SRI DR. ADHAM BIN BABA
Menteri Kesihatan

FOOD ACT 1983

FOOD (AMENDMENT) (NO. 4) REGULATIONS 2020

IN exercise of the powers conferred by section 34 of the Food Act 1983 [*Act 281*], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

